

Winet lebih menyeluruh tahun depan

LANGKAWI: Kerajaan negeri akan memperluaskan sistem komunikasi jalur lebar tanpa wayar (winet) membabitkan 70 peratus kawasan di pulau ini menerusi projek Langkawi Digital Multimedia Island (LDMI) menjelang Jun tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Tenaga, Penerangan, ICT dan Alam Sekitar negeri, Datuk Nawawi Ahmad, berkata ini kerana manfaat sistem itu sejak sebulan lalu di Kuah dan Pantai Chenang tidak menyeluruh.

"Projek yang menelan belanja RM5 juta dan dilaksanakan dalam tiga fasa itu kelak akan menjadikan Langkawi destinasi kedua di Kedah memiliki kemudahan itu, selepas Kulim dan Butterworth di Pulau Pinang.

"Untuk fasa pertama, pengguna boleh menikmati sambungan internet jalur lebar menggunakan kad prabayar berharga RM50 untuk lima hari yang boleh dibeli dengan mudah di sekitar Langkawi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kedah ICT Holding Sdn Bhd (Kedah ICT), Shahrin Saman dan Pengarah Eksekutif Vision Team Technology Sdn Bhd yang juga syarikat pembekal sistem winet, Lee Wai Tuck.

Nawawi berkata, projek LDMI itu akan memberi manfaat besar kepada pelancong dan penduduk Langkawi untuk berhubung menerusi internet dengan keluarga dan kenalan di serata dunia sepanjang berada di pulau itu.

"Ketika ini, pelanggan dapat menggunakan perkhidmatan yang diberikan menerusi stesen yang dilengkapi sistem winet dengan menggunakan komputer riba, pembantu peribadi digital (PDA) dan telefon bimbit.

"Ini adalah sebahagian usaha kerajaan negeri menaik taraf Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan yang maju setaraf Hawaii, Mauritius dan Caribbean," katanya.